

PENUTUP**7.1 Pengenalan**

Bab ini meliputi ringkasan kajian dan perbincangan tentang dapatan kajian. Aspek ringkasan kajian menghuraikan semula ringkasan tujuan kajian dan kaedah kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi kajian dan soal selidik kajian. Dalam perbincangan tentang dapatan kajian pula, dijelaskan tentang latar belakang responden, tinjauan secara umum penguasaan bahasa Melayu responden, serta analisis dan perbandingan kesalahan bahasa Melayu responden. Akhir sekali, dikemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Melayu responden dan cadangan berhubung dengan bidang-bidang kajian selanjutnya.

7.2 Ringkasan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan sekali lagi beberapa aspek kajian ini.

7.2.1 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor. Kajian ini seterusnya bertujuan mencadangkan langkah-langkah yang dapat diambil bagi

mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah yang berkenaan.

7.2.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan deskriptif. Terdapat dua jenis pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Pemboleh ubah bersandar kajian ini ialah kekerapan kesalahan tatabahasa Melayu yang diperoleh daripada ujian menulis karangan. Pemboleh ubah bebas pula ialah jantina, aliran akademik, status sosioekonomi keluarga, pencapaian peperiksaan bahasa Melayu, bahasa pertuturan dengan rakan di sekolah dan di luar sekolah, bahasa pertuturan dengan keluarga, minat belajar bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi, kekerapan meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah dalam sebulan, minat membaca dan mendengar cerita, persekitaran tempat tinggal dan kawasan tempat tinggal.

7.2.3 Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor. Populasi kajian ialah seramai 400 orang terdiri daripada semua pelajar berbangsa Cina tingkatan 4 pada tahun 1999.

7.2.4 Soal Selidik Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik mengenai latar belakang pelajar. Kesemua 400 orang pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini memahami dengan jelas item-item kandungan, bahasa dan formatnya.

7.3 Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dalam kajian ini diuraikan seperti yang berikut:

1. Bilangan responden Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor ialah seramai 400 orang. Bilangan pelajar lelaki lebih ramai daripada bilangan pelajar perempuan, iaitu sebanyak 59.75 peratus. Bilangan pelajar perempuan pula ialah sebanyak 40.25 peratus.
2. Jumlah responden aliran sains lebih rendah daripada jumlah responden aliran perdagangan. Jumlah responden aliran sains seramai 45.75 peratus dan jumlah responden aliran perdagangan pula seramai 54.25 peratus.
3. Taburan pendapatan keluarga responden kajian menunjukkan bahawa jumlah keluarga yang berpendapatan tinggi, lebih tinggi, iaitu sebanyak 80.75 peratus. Kebanyakan daripada keluarga yang berpendapatan tinggi bekerja sebagai ahli perniagaan.

4. Penguasaan bahasa Melayu responden menampakkan keadaan yang agak kurang memuaskan. Bilangan yang cemerlang dan dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik hanyalah sebanyak 18.75 peratus sahaja. Ini berlaku kerana pendedahan responden dalam bahasa Melayu amatlah kurang, iaitu tertumpu pada satu mata pelajaran sahaja.
5. Penggunaan bahasa Melayu di kalangan responden di sekolah dan di luar sekolah tidak menggalakkan. Hanya 1.25 peratus sahaja responden yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan-rakan di sekolah. Terdapat hanya 2.75 peratus sahaja responden yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah. Punca yang menyebabkan keadaan ini terjadi ialah status sekolah-sekolah tersebut yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa utama. Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai penasihat dan pendidik di sekolah-sekolah tersebut, didapati bahawa pelajar-pelajar tidak dapat bertutur dengan sempurna dalam bahasa Melayu.
6. Amat kurang responden yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu di rumah, iaitu hanya sebanyak 3 peratus sahaja. Keadaan ini berlaku kerana kesemua responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar bukan Melayu.

7. Responden juga didapati tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Mereka yang paling minat belajar bahasa Melayu hanyalah sebanyak 4 peratus sahaja. Walau bagaimanapun, responden yang sekadar minat sahaja belajar bahasa Melayu ialah sebanyak 61.75 peratus. Yang lain, iaitu sebanyak 34.25 peratus langsung tidak minat belajar bahasa Melayu. Kekurangan minat ini berlaku mungkin kerana responden menganggap bahasa Melayu tidak dijadikan satu syarat wajib untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS atau ke luar negeri.
8. Kebanyakan responden juga tidak menunjukkan rasa minat terhadap membaca dan mendengar puisi. Jumlah responden yang tidak meminati puisi ialah sebanyak 84 peratus. Puncanya mungkin kerana pelajar sukar memahami puisi disebabkan tiada pendedahan yang berterusan.
9. Bilangan responden yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah ialah sebanyak 1.5 peratus sahaja. Pelajar yang kadang-kadang sahaja meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah ialah sebanyak 31.75 peratus. Yang lain, iaitu sebanyak 66.75 peratus langsung tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu. Keadaan ini mungkin disebabkan sebilangan besar buku di perpustakaan sekolah adalah dalam bahasa Mandarin dan bilangan buku berbahasa Melayu amat terhad. Tambahan pula pelajar kurang minat membaca buku-buku

berbahasa Melayu kerana kurang memahaminya dan terpaksa pula merujuk kamus.

10. Responden yang paling minat membaca dan mendengar cerita hanyalah sebanyak 3 peratus sahaja. Mereka yang sekadar minat dan tidak minat masing-masing berjumlah 97 peratus setiap satu. Perkara ini berlaku kerana responden menganggap bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang amat rumit. Ini merupakan suatu yang amat membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh tenaga pendidik.

11. Responden yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua berjumlah 22.75 peratus dan yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina ialah sebanyak 39 peratus. Responden yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain pula berjumlah 38.25 peratus.

12. Jumlah responden yang tinggal di kawasan bandar ialah sebanyak 61.25 peratus dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar ialah sebanyak 18.75 peratus. Responden yang tinggal di kampung baharu ialah 20 peratus.

7.4 Tinjauan Secara Umum Penguasaan Bahasa Melayu Responden

Tujuan pertama kajian telah tercapai melalui borang soal selidik dan analisis terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam karangan. Analisis terhadap karangan yang menjadi korpus kajian, secara keseluruhan, mencatat jumlah kesalahan sebanyak 1639. Kesalahan-kesalahan ini melibatkan tiga aspek utama bahasa, iaitu ejaan, morfologi, dan sintaksis. Daripada ketiga-tiga aspek ini, aspek morfologi menunjukkan kekerapan kesalahan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 1130 kali atau 68.94 peratus. Ini diikuti oleh kesalahan sintaksis, iaitu sebanyak 352 (21.48 peratus), dan akhir sekali ialah kesalahan ejaan, iaitu sebanyak 157 (9.58 peratus).

Penguasaan bahasa Melayu pelajar perempuan adalah lebih baik daripada pelajar lelaki. Bagi ketiga-tiga aspek tersebut, pelajar lelaki melakukan kesalahan sebanyak 947 (57.78 peratus) sementara pelajar perempuan hanya melakukan kesalahan sebanyak 692 (42.22 peratus)

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini ialah pelajar yang dikaji lemah dalam penguasaan ejaan dan lima jenis aspek morfologi bahasa Melayu, iaitu imbuhan (M2), pilihan perkataan (M1), kata sendi nama (M4), kata hubung (M9), dan kata ganda (M3). Dalam bidang sintaksis pula, pelajar amat lemah dalam struktur ayat aktif (S1), struktur ayat majmuk pancangan (S5) dan struktur ayat pasif (S2). Kesalahan sintaksis pelajar kurang jika dibandingkan dengan kesalahan morfologi disebabkan pelajar menggunakan ayat-ayat yang pendek dan mudah dalam karangan mereka.

7.4.1 Analisis dan Perbandingan Kesalahan Bahasa Melayu

Keseluruhan kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis bahasa Melayu pelajar ialah sebanyak 1639 kekerapan. Kesalahan ejaan pelajar ialah sebanyak 157 (9.58 peratus), kesalahan morfologi sebanyak 1130 (68.94 peratus) dan kesalahan sintaksis sebanyak 352 (21.48 peratus).

Berdasarkan faktor jantina, pelajar lelaki melakukan kesalahan ejaan sebanyak 100 kali atau 6.10 peratus, sementara pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 57 kali atau 3.48 peratus. Aspek morfologi menunjukkan pelajar lelaki melakukan kesalahan sebanyak 623 (38.01 peratus) dan pelajar perempuan melakukan sebanyak 507 (30.93 peratus). Bagi kesalahan sintaksis pula pelajar lelaki melakukan sebanyak 224 (13.67 peratus) dan pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 128 (7.81 peratus). Secara keseluruhan, pelajar lelaki melakukan lebih banyak kesalahan bahasa daripada pelajar perempuan.

Analisis kesalahan bahasa menurut aliran akademik menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan daripada pelajar aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan sebanyak 94 (5.73 peratus) kesalahan ejaan, berbanding pelajar aliran sains, iaitu sebanyak 63 atau 3.84 peratus. Aspek morfologi menunjukkan pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan sebanyak 573 kali atau 34.96 peratus sementara pelajar aliran sains mencatatkan kesalahan sebanyak 557 (33.98 peratus). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan dalam penggunaan imbuhan, iaitu sebanyak 174 (10.6 peratus)

kekerapan berbanding dengan pelajar aliran sains yang melakukan sebanyak 161 atau 9.82 peratus kesalahan. Bagi jenis kesalahan pilihan perkataan pula, pelajar aliran sains telah melakukan lebih banyak kesalahan berbanding pelajar aliran perdagangan. Pelajar aliran sains melakukan kesalahan sebanyak 179 kali atau 10.92 peratus, sedangkan pelajar aliran perdagangan melakukan 154 (10.92 peratus) kesalahan. Bagi kesalahan kata sendi nama pula, pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan yang melebihi pelajar aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan sebanyak 134 kali atau 8.17 peratus dan pelajar aliran sains melakukan sebanyak 122 (7.44 peratus) kesalahan.

Kelemahan pelajar menguasai kemahiran ini selaras dengan dapatan kajian Muhammed Salehudin Aman (1993), dan Raminah Hj. Sabran (1983). Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan sintaksis yang lebih banyak daripada pelajar aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan sebanyak 217 (13.23 peratus) kesalahan sementara pelajar aliran sains pula melakukan sebanyak 183 (11.16 peratus) kesalahan. Pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan struktur ayat aktif sebanyak 145 kali atau 8.84 peratus sedangkan pelajar aliran sains hanya melakukan kesalahan sebanyak 82 kali atau 5.0 peratus. Kelemahan pelajar juga dapat dilihat dalam struktur ayat majmuk pancangan dan struktur ayat pasif. Kedua-dua struktur ayat ini menunjukkan pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan daripada pelajar aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan struktur ayat majmuk pancangan sebanyak 37 kali atau 2.25 peratus sementara pelajar aliran sains melakukan kesalahan sebanyak 25 (1.52 peratus). Struktur ayat pasif menunjukkan pelajar aliran perdagangan melakukan 15 kesalahan atau 0.91

peratus dan pelajar aliran sains melakukan kesalahan sebanyak 12 (0.73 peratus). Pelajar aliran sains secara umumnya melakukan bilangan kesalahan bahasa yang kurang daripada pelajar aliran perdagangan mungkin kerana pelajar yang dimasukkan ke aliran sains ini merupakan pelajar-pelajar yang terpilih.

Pada keseluruhannya, kesalahan ejaan dan tatabahasa menurut status sosioekonomi keluarga pelajar membuktikan bahawa tidak mustahil pelajar daripada status sosioekonomi keluarga tinggi melakukan kesalahan yang lebih banyak daripada status sosioekonomi keluarga rendah. Daripada 1639 kesalahan, pelajar dalam status sosioekonomi keluarga tinggi melakukan 127 (7.74 peratus) kesalahan ejaan, 898 (54.78 peratus) kesalahan morfologi dan 300 (18.30 peratus) kesalahan sintaksis. Pelajar daripada status sosioekonomi rendah pula melakukan 30 (1.83 peratus) kesalahan ejaan, 232 (14.15 peratus) kesalahan morfologi dan 52 (3.17 peratus) kesalahan sintaksis. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa latar belakang keluarga pelajar daripada status sosioekonomi keluarga tinggi dan status sosioekonomi keluarga rendah juga perlu dikaji terutamanya sikap dan komitmen mereka terhadap sesuatu bahasa. Ini dapat dilihat melalui soal selidik yang dijalankan, iaitu mereka yang berasal daripada status sosioekonomi keluarga tinggi kebanyakannya terdiri daripada ahli perniagaan yang tidak semestinya mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Oleh sebab keluarga yang berpendapatan RM 3000 ke bawah dikategorikan dalam status sosioekonomi keluarga rendah, maka anak-anak pendidik dan sesetengah golongan profesional juga dikategorikan dalam kedudukan tersebut. Golongan ini biasanya prihatin terhadap penguasaan ilmu pengetahuan anak-anak mereka.

Kajian dalam bahagian analisis kesalahan bahasa Melayu menurut pencapaian peperiksaan bahasa Melayu membuktikan bahawa pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun bagi mata pelajaran Bahasa Melayu melakukan kesalahan yang kurang jika dibandingkan dengan mereka yang memperoleh pencapaian kepujian dan lulus. Pelajar yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun melakukan hanya 30 (1.83 peratus) kesalahan ejaan sementara yang memperoleh kepujian melakukan kesalahan ejaan sebanyak 74 kali atau 4.51 peratus, manakala mereka yang memperoleh pencapaian lulus melakukan sebanyak 53 (3.23 peratus) kesalahan. Begitu juga dengan kesalahan morfologi dan sintaksis. Pelajar yang memperoleh pencapaian cemerlang masing-masing melakukan sebanyak 182 (11.10 peratus) dan 47 (2.86 peratus) kesalahan. Pelajar yang memperoleh pencapaian kepujian melakukan kesalahan morfologi sebanyak 471 (28.73 peratus) dan kesalahan sintaksis sebanyak 146 (8.90 peratus). Kesalahan ejaan dan morfologi yang dilakukan oleh pelajar yang memperoleh pencapaian sekadar lulus sahaja agak kurang jika dibandingkan dengan mereka yang mendapat pencapaian kepujian tetapi perbezaan tersebut tidak begitu ketara. Walau bagaimanapun, kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar tersebut lebih banyak jika dibandingkan dengan pelajar yang memperoleh pencapaian cemerlang dan kepujian, iaitu sebanyak 154 kali atau 9.39 peratus. Pengkaji juga mendapati bahawa sistem pemarkahan bahasa Melayu sekolah-sekolah ini agak longgar, terutamanya bagi mereka yang mencapai tahap kepujian dan lulus.

Analisis kesalahan bahasa Melayu menurut kekerapan bertutur dalam bahasa Melayu sama ada di sekolah atau di luar sekolah menunjukkan bahawa

aspek pertuturan adalah sangat penting dalam penguasaan bahasa Melayu bertulis terutamanya di kalangan pelajar bukan penutur jati. Pelajar yang tidak pernah atau kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan ejaan sebanyak 157 (9.57 peratus), kesalahan morfologi sebanyak 1115 (68.02 peratus), dan kesalahan sintaksis sebanyak 350 (21.35 peratus). Pelajar yang sering bertutur dengan rakan di sekolah pula langsung tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan tetapi hanya melakukan 15 (0.91 peratus) kesalahan morfologi dan 2 (0.12 peratus) kesalahan sintaksis. Keadaan yang sama juga berlaku kepada pelajar yang tidak pernah atau kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu di luar sekolah. Mereka melakukan kesalahan yang lebih banyak dibandingkan dengan pelajar yang selalu bertutur dengan rakan di luar sekolah. Pelajar yang selalu bertutur dengan rakan di luar sekolah tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan. Pelajar hanya melakukan 32 (1.95 peratus) kesalahan morfologi dan 10 (0.61 peratus) kesalahan sintaksis. Analisis kesalahan menurut kekerapan bertutur bahasa Melayu dengan keluarga pula menunjukkan perbezaan yang ketara dalam jumlah kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis. Mereka yang tidak pernah berbahasa Melayu dengan keluarga menunjukkan kekerapan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 115 (7.01 peratus) kesalahan ejaan, 837 (5.10 peratus) kesalahan morfologi dan 257 (15.68 peratus) kesalahan sintaksis. Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan kesalahan bahasa dalam jumlah yang sederhana, iaitu sebanyak 42 (2.56 peratus) kesalahan ejaan, 272 (16.59 peratus) kesalahan morfologi dan 83 (5.06 peratus) kesalahan sintaksis. Jumlah kesalahan bahasa adalah rendah bagi pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga. Pelajar dalam kategori ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek ejaan, melakukan hanya 21 (1.28

peratus) kesalahan morfologi dan 12 (0.73 peratus) kesalahan sintaksis. Jelaslah bahawa pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian tersebut perlu lebih banyak bertutur dalam bahasa Melayu jika mereka ingin membaiki penguasaan bahasa Melayu mereka.

Analisis kesalahan bahasa Melayu menurut minat belajar bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi serta minat membaca dan mendengar cerita juga menampakkan suatu kesan yang menarik. Pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu menunjukkan kekerapan kesalahan yang terendah. Contohnya, mereka yang paling minat belajar bahasa Melayu hanya melakukan 15 (0.91 peratus) kesalahan sintaksis sedangkan yang sekadar minat dan tidak minat melakukan sebanyak 337 (20.56 peratus) kesalahan. Keadaan yang sama juga terjadi dalam kekerapan kesalahan berdasarkan minat membaca dan mendengar puisi. Pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi melakukan 30 (1.83 peratus) kesalahan ejaan, 203 (12.38 peratus) kesalahan morfologi dan 57 (3.47 peratus) kesalahan sintaksis. Mereka yang tidak minat membaca dan mendengar puisi menampakkan jumlah kesalahan yang berlipat ganda, iaitu sebanyak 127 (7.74 peratus) kesalahan ejaan, 927 (56.55 peratus) kesalahan morfologi dan 295 (17.99 peratus) kesalahan sintaksis. Begitu juga dengan kekerapan kesalahan berdasarkan minat membaca dan mendengar cerita. Pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan yang rendah dibandingkan dengan pelajar yang sekadar minat atau tidak minat. Sebagai contoh, bagi aspek morfologi, pelajar yang minat membaca dan mendengar cerita melakukan sebanyak 27 (1.64 peratus) kesalahan, sementara pelajar yang sekadar minat melakukan sebanyak 516 (31.48 peratus) kesalahan dan pelajar yang tidak minat

pula melakukan paling banyak kesalahan, iaitu sebanyak 584 (35.63 peratus). Jelaslah bahawa ketiga-tiga perkara ini juga penting dalam usaha menguasai bahasa Melayu. Para pendidik di sekolah-sekolah berkenaan perlulah menanam minat terhadap perkara-perkara tersebut di kalangan pelajar-pelajar mereka.

Analisis kesalahan bahasa menurut kekerapan meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah menunjukkan bahawa pelajar yang selalu meminjam buku melakukan jumlah kesalahan yang paling rendah, sementara pelajar yang kadang-kadang meminjam buku melakukan jumlah kesalahan yang sederhana dan pelajar yang tidak pernah meminjam buku tersebut melakukan jumlah kesalahan yang tertinggi. Pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu di perpustakaan tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan, hanya melakukan kesalahan morfologi sebanyak 14 (0.85 peratus) dan kesalahan sintaksis sebanyak 6 (0.36 peratus). Pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan sebanyak 61 (3.72 peratus) kesalahan ejaan, 370 (22.57 peratus) kesalahan morfologi dan 98 (5.97 peratus) kesalahan sintaksis. Pelajar yang tidak pernah meminjam buku tersebut melakukan sebanyak 96 (5.85 peratus) kesalahan ejaan, 746 (45.51 peratus) kesalahan morfologi dan 248 (15.13 peratus) kesalahan sintaksis. Jelaslah bahawa pelajar dapat menguasai sesuatu bahasa melalui usaha membaca buku-buku dalam bahasa tersebut.

Analisis kesalahan bahasa menurut persekitaran tempat tinggal pelajar menunjukkan bahawa tidak semestinya mereka melakukan kesalahan bahasa yang rendah apabila tempat tinggal mereka terdiri daripada kaum-kaum lain juga. Ini

mungkin kerana mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan jiran-jiran mereka terutamanya jiran-jiran yang bukan berbangsa Melayu. Keadaan tersebut begitu ketara dalam dapatan kajian ini. Sebagai contoh, pelajar yang tinggal di persekitaran yang semua penduduknya berbangsa Cina melakukan sebanyak 310 (18.91 peratus) kesalahan morfologi, sementara pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan kesalahan morfologi sebanyak 342 (20.86 peratus) dan pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain melakukan sebanyak 478 (29.16 peratus) kesalahan bagi aspek yang sama.

Analisis kesalahan bahasa menurut kawasan tempat tinggal menampakkan kesan yang agak berbeza. Pelajar yang tinggal di kawasan bandar melakukan kesalahan bahasa yang lebih banyak dibandingkan dengan pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar dan kampung baharu. Keadaan ini berlaku kerana penduduk kawasan luar bandar khasnya terdiri daripada masyarakat penutur jati. Bahasa Melayu ialah satu-satunya bahasa komunikasi mereka. Suasana sebegini membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan seterusnya dapat menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang tinggal di bandar melakukan sebanyak 90 (5.49 peratus) kesalahan ejaan, 713 (43.5 peratus) kesalahan morfologi dan 212 (12.93 peratus) kesalahan sintaksis. Pelajar yang tinggal di luar bandar pula melakukan 34 (2.07 peratus) kesalahan ejaan, 232 (14.15 peratus) kesalahan morfologi dan 66 (4.02 peratus) kesalahan sintaksis. Pelajar yang tinggal di kampung baharu pula melakukan sebanyak 33 (2.01 peratus) kesalahan ejaan, 185 (11.28 peratus) kesalahan morfologi dan 74 (4.51 peratus) kesalahan sintaksis.

7.5 Cadangan Mengatasi Kelemahan Bahasa Melayu Responden

Penguasaan bahasa seseorang pelajar bergantung pada tahap kebolehan dan penguasaan bahasa yang dimiliki oleh guru. Oleh yang demikian, guru-guru haruslah menguasai sepenuhnya tatabahasa dengan baik bagi membantu pencapaian penguasaan bahasa Melayu pelajar. Penyelidik mencadangkan agar pihak sekolah hanya mengambil guru-guru yang terlatih sahaja untuk mengajar bahasa Melayu. Dicadangkan juga agar pihak sekolah menambahkan bilangan guru yang terdiri daripada penutur jati memandangkan bilangan yang sedia ada hanyalah seorang sahaja bagi keempat-empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian yang terletak di negeri Selangor. Keadaan ini dapat memaksa pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan seterusnya dapat menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik. Guru-guru juga haruslah menanam kesedaran terhadap pelajar tentang pentingnya menguasai bahasa Melayu.

Pelajar juga memainkan peranan yang penting. Sikap pelajar yang negatif menjadikan mereka lemah dan tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Penyelidik juga bercadang agar pelajar-pelajar ini dapat mencari keluarga angkat yang terdiri daripada penutur jati terutamanya semasa cuti penggal persekolahan supaya mereka dapat tinggal bersama-sama pada waktu siang dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Pelajar juga perlu diberi program motivasi agar dapat membentuk kesedaran dan memupuk semangat minat belajar bahasa Melayu.

Pihak sekolah juga perlukan bertindak dengan menambahkan buku-buku berbahasa Melayu di perpustakaan sekolah agar para pelajar berpeluang membaca

buku-buku tersebut. Pihak sekolah juga perlu menjalin hubungan yang baik dengan pentadbir sekolah-sekolah kebangsaan agar dapat menjalankan aktiviti pelajar bersama-sama. Di samping mengeratkan perhubungan, pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian juga berpeluang berinteraksi dalam bahasa Melayu dan bertukar-tukar pendapat dengan pelajar-pelajar sekolah kebangsaan. Peruntukan masa belajar bahasa Melayu perlu ditambah kerana peruntukan masa yang sedia ada tidak mencukupi bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa Melayu.

Penyelidik mencadangkan agar pihak sekolah mewajibkan guru-guru mengajar aspek KOMSAS kepada pelajar-pelajar mereka. Daripada penelitian, penyelidik mendapati hanya pelajar yang ingin menduduki peperiksaan awam (PMR dan SPM) sahaja yang didedahkan kepada aspek KOMSAS. Pihak sekolah perlu memberi perhatian yang serius terhadap hal ini. Kajian ini dengan jelas telah menunjukkan bahawa mereka yang minat membaca dan mendengar cerita atau mereka yang minat membaca dan mendengar puisi dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Penyelidik juga mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan memperkenalkan satu kursus khas bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri tetapi tidak memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Para pelajar perlu memperoleh tahap kelulusan tertentu untuk membolehkan mereka melaksanakan keinginan mereka itu. Cara ini dapat menyedarkan semua pihak tentang peri pentingnya bahasa Melayu.

7.6 Cadangan untuk Kajian Selanjutnya

Berdasarkan dapatan dan penelitian terhadap ciri-ciri utama kajian ini, berikut diperturunkan beberapa cadangan untuk kajian selanjutnya.

1. Kajian seperti ini perlu diperluas ke Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri-negeri lain. Ini bertujuan untuk membantu pihak sekolah mengetahui secara lebih mendalam tentang kelemahan bahasa Melayu pelajar-pelajar mereka.
2. Kajian perbandingan antara Sekolah Menengah Cina Persendirian dan Sekolah Menengah Kebangsaan juga patut dijalankan.
3. Kajian bahasa Melayu lisan juga boleh dijalankan di sekolah-sekolah seperti ini.
4. Selain aspek ejaan, morfologi dan sintaksis, aspek semantik dan wacana bahasa patut dijadikan fokus kajian bagi melihat pengaruh aspek tersebut terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar.